

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos yang ditanggung Kerajaan dalam membawa pulang pelajar rakyat Malaysia dari Yemen akibat pergolakan negara tersebut baru-baru ini.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga proses evakuasi terakhir yang telah dilaksanakan pada 1 Mei 2015 oleh pihak Kerajaan, bilangan pelajar rakyat Malaysia yang telah pulang ke tanahair ialah 703 orang.

Dalam hal ini, kos keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam membawa pulang pelajar rakyat Malaysia dari Yemen adalah berjumlah **RM1,710,884.50**. Kos ini merangkumi perbelanjaan pengangkutan, tiket kapal terbang, penyediaan makan minum serta penginapan untuk rakyat Malaysia semasa ditempatkan secara sementara sebelum mereka kembali ke tanah air.

Sekian. Terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar-pelajar yang menghidap HIV di sekolah-sekolah harian dan apakah garis panduan yang digunakan oleh pihak sekolah dalam menguruskan pelajar-pelajar sedemikian.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), setakat ini tiada laporan yang menunjukkan murid-murid dijangkiti HIV. Namun, Garis Panduan Perawatan Pesakit HIV yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan dijadikan rujukan jika ada murid-murid yang terlibat. Pada masa yang sama, KPM melaksanakan program pencegahan HIV/AIDS di sekolah melalui penyampaian maklumat mengenai HIV/AIDS kepada semua murid-murid melalui poster-poster dan risalah yang dibekalkan oleh KKM. Topik pencegahan HIV/AIDS juga dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah.